

Surat khabar: Utusan Borneo
Hari/Tarikh: 2/11/2016
Muka surat: 8

Tajuk : Ahli MPP diminta cemerlang akademik, kokurikulum

Ahli MPP diminta cemerlang akademik, kokurikulum

Ahli baharu MPP UNIMAS perlu bijak seimbangkan kecemerlangan dalam kedua-dua bidang

Oleh Henrietta Liza

KOTASAMARAHAN: Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi mahu ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNIMAS Sesi 2016/2017 cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum.

Menurut beliau 12 ahliantikan baharu MPP UNIMAS itu perlu bijak menyeimbangkan kecemerlangan dalam kedua-dua bidang akademik dan kokurikulum.

“Jangan sesekali mengambil remeh perkara-perkara yang berlaku di peringkat negara atau universiti.

“Perlu juga berusaha ber-sungguh-sungguh dengan

“Jangan sesekali mengambil remeh perkara-perkara yang berlaku di peringkat negara atau universiti.”

Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi
Naib Canselor UNIMAS

menjaga tingkah laku dan melibatkan diri dengan pelbagai kegiatan akademik,” katanya ketika merasmikan Majlis Penyerahan Wafiah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNIMAS Sesi 2016/2017 di sini kelmarin.

Walaupun sebelum ini tidak ada banyak perkara besar yang berlaku dalam kawasan kampus, ia sebenarnya menunjukkan kematangan setiap

pelajar dan kita turut menghargai jasa bekas ahli MPP dalam menjalankan tugas mereka sebelum ini.

Beliau turut mengingatkan ahli MPP yang baharu agar melakukan siasatan terperinci sebelum menyebarkan sebarang maklumat atau sumber kepada mahasiswa dan mahasiswi dengan memahami dasar-dasar universiti.

Kadim mengingatkan setiap



SELAMAT BERTUGAS: Kadim (tiga kiri) bergambar kenangan selepas tamat Majlis Angkat Sumpah 12 ahli baharu MPP UNIMAS Sesi 2016/2017 di kampusnya di Kota Samarahan kelmarin.

ahli MPP agar mengamalkan sikap toleransi dalam menghadapi situasi serta dalam mengadakan program di kampus.

Sebelum ini, pemilihan 12 orang barisan baharu MPP telah diadakan pada 20 Oktober selepas bekas ahli MPP

tamat perkhidmatan pada 6 Oktober lepas.

Ahli MPP telah diundi oleh seramai 6,108 penuntut dalam

kampus UNIMAS.

Turut hadir Yang Dipertua MPP Sesi 2016/2017 Ahmad Jibriel Mohd Yusof.